



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**SESI LIBAT URUS BANCİ EKONOMI 2026 BERSAMA UNIT
PERANCANG EKONOMI (UPEN) DAN AGENSI PERINGKAT NEGERI
SELANGOR**

JANUARI 2026

**Pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 di Selangor: 308 Ribu
Pertubuhan Disasar, 10 Peratus Telah Dibanci**

SELANGOR, 30 JANUARI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memaklumkan semasa Sesi Libat Urus yang telah diadakan pada hari ini bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor dan Agensi Peringkat Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Selangor, juga merupakan Pengarah Unit Perancang Ekonomi (UPEN), bahawa Banci Ekonomi 2026 (BE 2026) sedang dilaksanakan di seluruh negara mulai 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. Sesi libat urus ini turut dihadiri beberapa wakil pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri dan wakil agensi-agensi yang berkepentingan.

Sesi libat urus ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan jaringan dan keterlibatan agensi kerajaan negeri dalam pelaksanaan Banci Ekonomi 2026, mewujudkan platform serta memperkukuh hubungan strategik bersama persatuan dan pertubuhan perniagaan di peringkat negeri Selangor yang berdaftar di peringkat agensi kerajaan negeri dan mendapatkan kerjasama daripada persatuan dan pertubuhan perniagaan bagi menjayakan Banci Ekonomi 2026.

Selangor kekal sebagai penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada tahun 2024, dengan sumbangan 26.2 peratus yang didorong oleh kekuatan dan prestasi berterusan sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Kejayaan ini disokong oleh pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik kerajaan negeri dalam merangsang pelaburan berkualiti, memperluas penggunaan teknologi dan pendigitalan perniagaan, serta memperkukuh ekosistem perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi negeri yang lebih berdaya tahan, inklusif dan lestari.

Dianggarkan sebanyak 308 ribu pertubuhan akan terlibat dalam pelaksanaan BE 2026 di Selangor dengan peratusan tertinggi sebanyak 83.7 peratus (258,710 pertubuhan) adalah daripada sektor Perkhidmatan. Pelaksanaan BE 2026 ini akan meliputi pertubuhan berstatus mikro, kecil, sederhana, besar dan juga sektor informal. Jangkaan bilangan pertubuhan perniagaan sektor informal yang akan diliputi di seluruh Malaysia adalah sebanyak 100,000 pertubuhan manakala di Selangor dianggarkan sebanyak 15,000 pertubuhan perniagaan. Sehingga kini, pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 di Selangor menunjukkan prestasi yang positif apabila kira-kira 10 peratus pertubuhan sektor informal dan mikro telah berjaya dibanci.

Dapatan BE 2026 akan menjadi input utama kepada pelbagai dasar dan agenda pembangunan negara antaranya Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), agenda Ekonomi Digital, Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), dasar fiskal dan monetari serta pelan pemerkasaan PMKS dan Bumiputera. Pada masa yang sama, ia menyokong proses pembentukan penanda aras ekonomi utama seperti KDNK, indeks industri dan pelbagai indikator ekonomi lain melalui aktiviti penyusunan semula siri statistik (*rebasing*). Data ini membantu menilai keberkesanan dasar sedia ada serta mengenal pasti hala tuju baharu bagi pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan di peringkat nasional khususnya negeri Selangor.

YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Selangor merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi (UPEN) berkata, "Banci Ekonomi 2026 bukan sekadar proses pengumpulan data, sebaliknya merupakan satu misi nasional untuk memahami denyut nadi sebenar ekonomi negara, selaras dengan tagline 'Data Nadi Ekonomi Rakyat' yang menegaskan kepentingan data sebagai asas kepada setiap keputusan dan dasar kerajaan. Kerajaan Negeri Selangor kekal komited menyokong sepenuhnya pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 oleh DOSM sebagai langkah strategik dalam memperkukuh dasar dan perancangan pembangunan negeri. Kerjasama erat antara DOSM dan Kerajaan Negeri Selangor, termasuk sokongan padu daripada semua agensi di peringkat negeri, amat penting bagi memastikan data yang dikumpulkan adalah lengkap dan berkualiti, sekali gus membolehkan pelaksanaan dasar berasaskan bukti yang lebih berkesan demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran berterusan negeri Selangor."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan "Data Nadi Ekonomi Rakyat". Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
30 JANUARI 2026**